

‘Hormati keputusan longgar PKPB musim perayaan’

Salah guna kepercayaan kerajaan akibatkan peningkatan kes

Kuala Lumpur: Penyalahgunaan kelonggaran musim perayaan melalui Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) boleh mengakibatkan peningkatan kes COVID-19.

Pakar Virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Datuk Dr Lam Sai Kit, berkata kerajaan sudah meletakkan kepercayaan kepada rakyat melalui permakasaan komuniti dengan memberi kelonggaran itu dan semua pihak bertanggungjawab menghormatinya.

“Tidak ada yang mahu melihat peningkatan semula kes COVID-19 dan pelaksanaan PKPB. Saya lega dengan kelonggaran ini kerana ia menggembirakan ramai orang, khususnya yang sudah terpisah dengan ahli keluarga.

“Walaupun jumlahnya terbatas 20 orang, ia lebih baik daripada peraturan ketat sebelum ini dan menjadi tanggungjawab tuan rumah untuk mengawal bilangan yang berkunjung,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengenai lanju-

tan PKPB sehingga 9 Jun dengan kebenaran menziarah ketika musim perayaan dalam negeri sama dibenarkan berdasarkan had maksimum pada satu-satu masa.

Dr Sai Kit berkata, lanjutan PKPB itu akan membolehkan kerajaan melihat sama ada perintah kawalan mempunyai kesan terhadap kes COVID-19 di negara ini.

Katanya, ia boleh menghalang pergerakan secara besar-besaran pada musim perayaan bagi mengelak penyebaran wabak, terutama dari zon merah ke zon hijau.

“Berikutan jumlah kes harian COVID-19 tidak turun dengan se-cukupnya, lanjutan tempoh PKPB amat disarankan kerana ketika banyak pergerakan berlaku pada hari raya,” katanya.

Pihaknya mengharapkan kawasan zon hijau yang kini berada pada 94.4 peratus bertambah sepanjang PKPB dan boleh dilihat dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Apa yang menjadi keimbangannya ialah kewujudan zon merah, sekali gus menunjukkan penularan jangkitan COVID-19 atau kluster baharu masih berlaku.

“Kebanyakan kluster baharu adalah dalam kalangan pekerja asing dan berkemungkinan kerana mereka tinggal di rumah beramai-ramai. Bagi mengubah zon merah ke kuning atau hijau, orang ramai perlu lebih berhati-hati dan mematuhi SOP sepanjang PKPB,” katanya.

Dr Sai Kit turut kagum dengan disiplin dan pematuhan orang



‘Kerajaan wajar memperincikan kawasan dan ruang yang membolehkan aktiviti ziarah dengan had maksimum 20 orang sepanjang PKPB.’

**Dr Halimatus Sakdiah Minhat,
Pakar Perubatan Kesihatan
Awam UPM**

awam sepanjang PKP dan PKPB yang tidak merosakkan sistem.

“Tiada perlakuan berpusu-pusu ke kompleks beli-belah dan penjarakan sosial diamalkan melalui sektor perniagaan selepas dibenarkan beroperasi manakala cecair pembasmi kuman disediakan secara percuma di premis perniagaan.

“Bukan semua negara boleh menjayakannya, malah negara Barat tidak boleh mengawal rakyat mereka,” katanya.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Halimatus Sakdiah Minhat, pula berkata kerajaan wajar memperincikan kawasan dan ruang yang membolehkan aktiviti ziarah dengan had maksimum 20 orang sepanjang PKPB.

Katanya, ruang rumah yang sempit dan tertutup menyukarkan penjarakan sosial jika bilangan penghuni serta tetamu mencapai 20 orang pada satu masa.

Katanya, ruang tertutup seperti dalam rumah seharusnya tidak dibolehkan bagi aktiviti pengumpulan beramai-ramai berikut pengudaraan tidak mencukupi boleh memudahkan penularan wabak.

“Bagaimana jika 20 orang itu membabitkan ruang dan kawasan sempit, sebab tidak semua rumah boleh menampung jumlah begitu. Jika tidak diperincikan, tidak mustahil kluster baharu wujud.

“Contohnya, rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR), mustahil 20 orang boleh mewujudkan penjarakan sosial, sekali gus akan meningkatkan risiko penularan,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau berkata, perumahan bertingkat seperti pangaspuri dan flet mungkin boleh melaksanakan alternatif seperti aktiviti ziarah di ruang terbuka tapak kediaman itu dengan pemanfaatan ahli jawatankuasa (AJK) kawasan berkenaan.